

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/1/2011

Hasan Rahman dilantik Penolong Setiausaha BN Melaka

MELAKA 5 Jan. - Barisan Nasional (BN) Melaka hari ini mengumumkan pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Datuk Hasan Rahman (gambar) sebagai Penolong Setiausaha BN negeri.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, pelantikan itu bertujuan memperkukuhkan jentera parti dalam membuat persiapan rapi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13.

Menurutnya, Hasan dapat membantu Setiausaha BN, Datuk Hamden Abdullah dalam merangka pelbagai gerak kerja.

"BN negeri tidak membuat rombakan besar ke atas jawatankuasa sedia ada, cuma rombakan kecil dengan pelantikan Hasan sebagai Penolong Setiausaha BN dalam mengukuhkan jentera BN," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membuat lawatan mengejut bagi meninjau kekurangan bekalan minyak masak di Pasar Besar Melaka Sentral di sini hari ini.

Mohd. Ali berkata, beliau yakin dengan kemampuan ADUN Sungai Rambai itu bagi membantu mengukuhkan lagi jentera BN terutama menghadapi pilihan raya umum berkenaan.

Dalam pada itu, beliau turut mengumumkan pelantikan ADUN Merlimau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian negeri, Datuk Mohamad Hidhir Abu Hasan sebagai Penolong Setiausaha UMNO negeri.

"Jawatan ini diwujudkan untuk memantapkan jentera UMNO. Mohamad Hidhir, seorang yang berpengalaman dalam politik dan peranannya amat penting untuk memperkukuhkan kekuatan UMNO," jelasnya.

Sementara itu, Hasan ketika dihubungi mengucapkan terima kasih kepada Mohd. Ali atas pelantikannya sebagai Penolong Setiausaha BN negeri.

"Saya akan jalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan tumpuan saya adalah membantu Hamden merangka strategi memperkukuhkan kekuatan BN di negeri ini" katanya.



MOHD. Ali Rustam bertanyakan sesuatu kepada peniaga runcit, Hawa Said, semasa membuat tinjauan mengenai minyak masak di Pasar Besar Melaka Sentral, semalam.